

SOALAN NO: 291

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

RUJUKAN : BL4 [PR-1332-T68894]

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah bangunan yang dibina tanpa Perintah Pembangunan, sama ada projek Kerajaan dan persendirian, jumlah yang dikenakan tindakan penguatkuasaan dan apakah bentuk penguatkuasaan sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, berdasarkan rekod, aktiviti premis dan pembinaan tanpa kebenaran perancangan adalah sebanyak 339 kes bagi tahun 2014 dan 50 kes pada tahun 2015 (sehingga April 2015).

Pecahan pembangunan tanpa Perintah Pembangunan adalah seperti berikut:-

| Tahun | Perkara | Kes |
|-------------------------------------|---------------------------|------------|
| 2014 | Bangunan | 141 |
| | Tukarguna kegunaan Premis | 198 |
| Jumlah | | 339 |
| 2015 | Bangunan | 18 |
| | Tukarguna Premis | 32 |
| Jumlah (sehingga April 2015) | | 50 |

Pelaksanaan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267) dengan tindakan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:-

- i. Tindakan operasi roboh
- ii. Tindakan pindah alih (Sita)
- iii. Tindakan melalui pendakwaan ke mahkamah

RT32/292

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) bilangan kuarters guru dalam WPKL dan bilangan pemohon yang masih dalam senarai menunggu.; dan
- (b) mengapakah Blok A Tun Teja Kuarters Guru di Jalan Permaisuri Cheras tidak mempunyai lampu koridor pada waktu malam yang menyusahkan penghuni-penghuni sedangkan para penghuni membayar caj penyelenggaraan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Sehingga 30 April 2015, jumlah kuarters guru yang terdapat di bawah seliaan JPWP KL adalah sebanyak 998 unit. Daripada jumlah tersebut, 962 unit dihuni manakala 36 unit kosong kerana mengalami kerosakan. Bilangan pemohon dalam senarai menunggu adalah 442 pemohonan.

b) Kuarters Institusi Pendidikan (KIP) Seri Permaisuri mempunyai 9 buah blok. Setiap blok mempunyai 2 tangga. Masalah tiada bekalan elektrik hanya berlaku di tangga Blok A yang disebabkan oleh tunggakan bil elektrik.